

02/07/2003

Penduduk berhak dapatkan khidmat terbaik daripada PBT

Tan Sri Lee Lam Thye

KITA selalu memperkatakan bahawa Malaysia mempunyai perundangan yang mencukupi, tetapi agak lemah dalam penguatkuasaan undang-undang itu. Kita

tidak jauh daripada kenyataan ini.

Dari semasa ke semasa, kita dapat lihat bagaimana undang-undang dilanggar oleh mereka yang tidak menghormatinya. Mereka berjaya menghindari tindakan undang-undang disebabkan penguatkuasaan yang lemah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim menyatakan

kebimbangan kerajaan terhadap peningkatan rungutan orang ramai terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang oleh agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan dalam menyelesaikan masalah sosial dan infrastruktur.

Beliau berkata, adalah penting bagi polis, imigresen dan pihak berkuasa

tempatan untuk menyedari pentingnya mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai kakitangan kerajaan.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyedari masalah penguatkuasaan yang lemah yang dibangkitkan oleh orang ramai.

Oleh itu, satu keputusan dicapai agar pihak penguatkuasaan undang-undang meningkatkan usaha mereka ke peringkat yang optimum.

Dr Rais menyatakan pihak penguatkuasaan perlu segera menyelesaikan masalah sampah yang tidak dipungut, bahan lucah, perjudian haram, pendatang tanpa izin dan kegiatan lain yang menyalahi undang-undang.

Penguatkuasaan yang lemah terhadap undang-undang berkaitan dengan masalah ini menyebabkannya menjadi lebih buruk. Ia seterusnya menimbulkan

lebih banyak masalah yang rumit dalam masyarakat.

Keadaan ini turut menyebabkan masalah serius yang memberi kesan mendalam

terhadap urus tadbir, terutama di pihak berkuasa tempatan (PBT).

Misalnya, Kabinet menyatakan rasa tidak puas hati terhadap cara pihak penguat kuasa menangani masalah, tahap kecekapan di kalangan PBT dan tindakan segera perlu diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai urus tadbir yang baik dilaporkan bermesyuarat untuk membincangkan pelbagai masalah berikutan kontroversi mengenai tuduhan rasuah yang membabitkan pegawai Majlis Perbandaran Ampang

Jaya (MPAJ).

Kabinet menekankan supaya semua undang-undang dan peraturan berkaitan pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pada peringkat penguasa tempatan hendaklah dipatuhi sepenuhnya tanpa sebarang alasan. Ini penting

demi memastikan kepercayaan terhadap sistem ini kekal utuh.

Dari hari ke hari, kedudukan pemerintahan tempatan semakin bertambah penting dari segi meningkatkan kemampuan menangani banyak masalah dan mencari jawapan berkesan dan cepat terhadap keperluan serta perkhidmatan

kepada masyarakat.

PBT sepatutnya menjadi pihak yang tertinggi dan bukannya terendah dalam

menyediakan perkhidmatan dan keperluan masyarakat.

Semua pihak berkuasa perlu berusaha sebaik mungkin dan bertanggungjawab terhadap orang ramai atau masyarakat.

Penduduk pula mempunyai hak dan perlu bersuara menuntut perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan daripada PBT.

Majlis berkuasa tempatan adalah kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat. Mereka mempunyai peranan penting dalam mendidik dan mengatur masyarakat terhadap pembangunan dan kehidupan yang terurus.

Semua PBT perlu bersikap profesional, telus dan berkesan.

Mereka perlu mengambil langkah untuk memastikan ketelusan dan semua kakitangan mereka termasuk pegawai perlu melaksanakan tanggungjawab secara profesional, adil dan berihisan.

Semua kerajaan negeri perlu memantau aktiviti penguasa tempatan dan melaporkan kepada kerajaan Pusat.

Dr Mahathir sendiri memberi amaran kepada pegawai majlis tempatan yang mengabaikan tanggungjawab akan diganti. Beliau juga berkata bahawa kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap aduan orang ramai mengenai majlis penguasa tempatan.

Untuk berlaku adil perlu dinyatakan di sini, bukan semua pegawai tidak cekap atau terbabit dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Ramai yang berkhidmat dengan penuh dedikasi dan komited sepenuhnya. Tetapi kepada beberapa 'kambing hitam' yang mencemarkan nama baik PBT, langkah drastik perlu diambil untuk menggantikan mereka. Ini kerana sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa tidak dapat diterima oleh rakyat.

TAN SRI LEE LAM THYE,

Kuala Lumpur.